

**PELAKSANAAN KURIKULUM ALIRAN VOKASIONAL BAGI MATA
PELAJARAN APLIKASI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
DI SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL**

AZHAR BIN MAT AKHIR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN DAN PERKEMBANGAN KURIKULUM)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2011**



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

2 Julai 2011

AZHAR BIN MAT AKHIR

M20082000506





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan sebagai mana yang telah dirancang. Dalam usaha menyiapkan disertasi ini, banyak pihak telah terlibat untuk membantu penyelidik merangka, mengumpul maklumat dan melengkapkan penulisan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia, Dr. Ikhsan Bin Othman kerana telah memberi ilmu melalui tunjuk ajar, teguran dan bimbingan dalam menyiapkan disertasi ini. Kepada ibuku, terima kasih kerana mendidik dan tak jemu-jemu mendoakan anakanda dipermudahkan urusan dalam menuntut ilmu dan berkerjaya. Isteriku Faizah Bt. Abdulah, terima kasih di atas kesetiaan, sokongan, dorongan dan doa yang telah dicurahkan. Anak-anakku, Nurul Wahida, Muhamad Hafiz Akmal dan Muhamad Hafiz Zikri, jadikan kejayaan bapa ini sebagai dorongan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar. Kepada semua rakan guru di SMV Seri Manjung, Perak dan di seluruh semenanjung, yang terlibat secara langsung atau tidak, diucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan. Rakan-rakan seperjuangan M2008/Nov dan P2008/Nov, terima kasih di atas segala bantuan yang dihulurkan.





ABSTRAK

Kurikulum Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2009. Kurikulum ini digubal untuk menggantikan kurikulum sekolah vokasional yang diguna pakai semenjak tahun 1988. Kurikulum ini menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara modular dan pentaksiran berasaskan kompetensi. Aspek bahan kurikulum, kesediaan guru, kesediaan pelajar, kemudahan dan sokongan dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan sesuatu kurikulum. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan aspek-aspek tersebut untuk melaksanakan kurikulum MPAV bagi kursus Elektrik dan Elektronik berdasarkan pandangan guru. Sebanyak 264 soal selidik diedarkan. Pemilihan sampel dalam kajian ini yang dipilih secara rawak berkelompok berdasarkan empat zon pentadbiran BPTV iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Sebanyak 210 respon diguna pakai untuk analisis data. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya aspek-aspek yang dikaji mempunyai keupayaan dalam melaksanakan kurikulum ini. Bagaimana pun terdapat tiga aspek yang perlu diberi perhatian serius iaitu komitmen pelajar dari segi pentaksiran, pemantauan dan peranan Guru Cemerlang. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa rakan sejawat memainkan peranan penting membantu rakan-rakan yang lain untuk melaksanakan pengajaran. Kajian ini juga telah mengenal pasti perbezaan pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar terhadap aspek-aspek yang dikaji. Terdapat perbezaan yang signifikan pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar terhadap bahan kurikulum yang dibekalkan dan kesediaan guru. Aspek-aspek lain didapati guru-guru tidak mempunyai perbezaan pandangan yang signifikan.





ABSTRACT

Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) curriculum was fully implemented in 2009. It was designed to replace the vocational curriculum which has been used in vocational schools since 1988. The *MPAV* curriculum was based on teaching and learning modular and competency based assessment approach. The curriculum materials, teachers' and students' readiness, support and facilities were recognized as factors which influenced the implementation of the curriculum. The purpose of this study is to identify the capability of those aspects mentioned earlier in carrying out the *MPAV* curriculum for Electric and Electronic courses based on the teachers' point of view. The total number of 264 questionnaires were distributed in this study. The samples were selected randomly based on cluster sampling by four *Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)* management zones (North, Middle, South and East). 210 responses were used in data analysis. The analyzed data showed that overall, the aspects being studied have the capability in implementing *MPAV* curriculum. Finding showed that there were three sub aspects that needed serious attention: the students' commitment on the assessment, observation and the role of an expert teacher. The research revealed that colleague coaching plays an important role among teachers in helping and at the same time supporting their colleagues in the teaching process. The study identified that there was significant difference in the teachers' point of view on the two aspects being studied based on their teaching experience. Hence, there was a significant difference in the teachers' view point on the curriculum materials provided and also on the teachers' readiness. No significant difference was revealed on other aspects.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Nol Kajian	11
1.7	Signifikan Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	14
1.9.1	Kurikulum	15
1.9.2	Pelaksanaan Kurikulum	15
1.9.3	Kurikulum Aliran Vokasional	15

1.9.4	Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik Elektronik	16
1.9.5	Bahan Kurikulum	16
1.9.6	Kesediaan Guru	17
1.9.7	Kesediaan Pelajar	17
1.9.8	Kemudahan	17
1.9.9	Sokongan	18
1.9.10	Pengalaman Guru	18
1.10	Penutup	19

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Konsep Pelaksanaan Kurikulum	21
2.3	Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum	28
2.3.1	Bahan Kurikulum	28
2.3.2	Kesediaan Guru	31
2.3.3	Kesediaan Pelajar	35
2.3.4	Kemudahan	37
2.3.5	Sokongan Dalam Pelaksanaan Kurikulum	40
2.3.6	Pengalaman Guru	43
2.4	Sejarah Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional	49
2.4.1	Awal Kemerdekaan (1957 – 1969)	50

2.4.2	Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional 1970 – 1990	51
2.4.3	Kurikulum Sekolah Vokasional (1987 – 2005)	52
2.4.4	Kurikulum Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) 2006	53
2.5	Kursus Elektrik Elektronik	54
2.5.1	Prinsip Elektrik dan Elektronik	54
2.5.2	Aplikasi Elektrik dan Elektronik	55
2.6	Persijilan	58
2.7	Pelaksanaan Kurikulum MPAV	58
2.8	Kajian Luar Negara	61
2.9	Kajian Dalam Negeri	67
2.10	Kerangka Konseptual	71
2.11	Penutup	73

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Pemboleh Ubah Kajian	76
3.3.1	Pemboleh Ubah Bebas	77
3.3.2	Pemboleh Ubah Bersandar	77
3.4	Lokasi Kajian	78
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	79
3.6	Instrumen Kajian	82

3.6.1	Kesahan	83
3.6.2	Kebolehpercayaan	84
3.7	Proses dan Prosedur Kajian	86
3.8	Analisis Data	89
3.8.1	Analisis Deskriptif	89
3.8.2	Taburan Normal Data	90
3.8.3	Pengujian Hipotesis	93
3.9	Penutup	93

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	95
4.2	Taburan Demografi Responden	96
4.3	Bahan Kurikulum Yang Dibekalkan Untuk Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	98
4.4	Kesediaan Guru Melaksanakan Kurikulum MPAV Untuk Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	102
4.5	Kesediaan Pelajar Mengikuti Kurikulum MPAV Untuk Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	107
4.6	Kemudahan Yang Disediakan Untuk Melaksanakan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	111
4.7	Sokongan Yang Diterima Oleh Guru Untuk Melaksanakan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	114
4.8	Rumusan	118

BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	123
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	124
5.2.1	Pandangan Guru Terhadap Bahan Kurikulum Yang Dibekalkan	124
5.2.2	Pandangan Guru Terhadap Kesediaan Guru Melaksanakan Kurikulum	126
5.2.3	Pandangan Guru Tentang Kesediaan Pelajar Mengikuti Kurikulum	129
5.2.4	Pandangan Guru Tentang Kemudahan Yang disediakan Untuk Melaksanakan Kurikulum	131
5.2.5	Pandangan Guru Tentang Sokongan Yang Diterima Untuk Melaksanakan Kurikulum	132
5.3	Implikasi dan Cadangan	135
5.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	138
5.5	Penutup	139
RUJUKAN		141
LAMPIRAN A		150
LAMPIRAN B		151
LAMPIRAN C		152
LAMPIRAN D		153
LAMPIRAN E		154
LAMPIRAN F		156
LAMPIRAN G		162
LAMPIRAN H		164



LAMPIRAN I	167
LAMPIRAN J	168
LAMPIRAN K	174
LAMPIRAN L	175
LAMPIRAN M	176
LAMPIRAN N	177





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Peringkat Perkembangan Kerjaya Huberman	46
2.2 Objektif Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik	55
2.3 Objektif Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	57
3.1 Sasaran Sampel Mengikut Zon	80
3.2 Taburan Sampel Berdasarkan Sekolah	81
3.3 Organisasi Item	82
3.4 Kebolehpercayaan Item	86
3.5 Kehomogenan Varian	92
4.1 Taburan Demografi Responden	97
4.2 Taburan Min Pandangan Guru Tentang Bahan Kurikulum Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	99
4.3 Ujian ANOVA Sehalu Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Berkaitan Bahan Kurikulum Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	100
4.4 Keputusan Ujian <i>Post Hoc</i> LSD Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Tentang Bahan Kurikulum Yang Dibekalkan	102
4.5 Taburan Min Pandangan Guru Tentang Kesediaan Guru Melaksanakan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	103
4.6 Ujian ANOVA Sehalu Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Berkaitan Kesediaan Guru Melaksanakan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	105
4.7 Keputusan Ujian <i>Post Hoc</i> LSD Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Tentang Kesediaan Guru-Guru Melaksanakan Kurikulum	106



**Jadual****Muka Surat**

4.8	Taburan Min Pandangan Guru Tentang Kesianaan Pelajar Mengikuti Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	108
4.9	Ujian ANOVA Sehal Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Berkaitan Kesianaan Pelajar Mengikuti Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	110
4.10	Taburan Min Pandangan Guru Tentang Kemudahan Yang Disediakan Untuk Melaksana Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	112
4.11	Ujian ANOVA Sehal Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Berkaitan Kerelavanan Kemudahan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	113
4.12	Taburan Min Pandangan Guru Tentang Sokongan Yang Diterima Untuk Melaksanakan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik	115
4.13	Ujian ANOVA Sehal Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Berkaitan Sokongan Yang Diterima Untuk Melaksanakan Kurikulum MPAV Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.	117
4.14	Dapatan Keseluruhan Min Pandangan Guru Berdasarkan Soalan Kajian	120
4.15	Keputusan Ujian Hipotesis Nol Kajian Keseluruhan	121





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

- 2.1 Kerangka Konseptual
- 3.1 Proses dan Prosedur Kajian

73

87



SINGKATAN

BPPDP	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
GC	-	Guru Cemerlang
ICT	-	<i>Information, Communication and Technology</i>
JNJK	-	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MPAV	-	Mata Pelajaran Aliran Vokasional
MPV	-	Mata Pelajaran Vokasional
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMK	-	Rancangan Malaysia Ke
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SMV	-	Sekolah Menengah Vokasional
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
S.P	-	Sisihan Piawai



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

PERKARA

- A - Topik-Topik Modul Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik
- B - Topik-Topik Modul Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik
- C - Taburan Populasi Guru Aplikasi Elektrik dan Elektronik Seluruh Semenanjung
- D - Jadual Saiz Sampel
- E - Analisis Penilaian Kesahan Oleh Pakar
- F - Analisis Kebolehpercayaan
- G - Analisis Demografi
- H - Analisis Deskriptif
- I - Kehomogenan Varian dan Analisis Ujian ANOVA
- J - Soal Selidik
- K - Analisis *Post Hoc*
- L - Kebenaran BPPDP
- M - Kebenaran BPTV
- N - Nilai *Skewness dan Kurtosis*





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1.Pengenalan



Sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia perlu mempunyai agenda pendidikan yang berkualiti. Agenda pendidikan yang berkualiti akan meletakkan Malaysia pada landasan yang sempurna dalam mengharungi cabaran dan persaingan abad ke-21 ini. Pembangunan modal insan dikenal pasti sebagai wadah yang harus diberi perhatian untuk menempuh cabaran globalisasi abad ini dan akan datang. Sekiranya pembangunan modal insan menjadi wadah untuk menempuhi cabaran globalisasi, pendidikan perlu dilihat sebagai wadah pembangunan modal insan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Abdullah Ahmad Badawi dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 iaitu, kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara (Kementerian Pelajaran, 2006)





Justeru itu bidang pendidikan berada dalam situasi yang penuh dengan cabaran dan memerlukan perancangan yang rapi, sistematik dan menyeluruh. Membangunkan modal insan ialah salah satu daripada enam teras strategik yang telah dikenal pasti untuk memperkukuhkan sistem pendidikan negara. Pernyataan teras strategik yang kedua tentang membangun modal insan ialah seperti berikut :

Usaha membangunkan modal insan, KPM akan memberi tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar. Teras ini juga berhasrat melahirkan pelajar yang kompetan dalam Sains dan Teknologi, inovatif dan kreatif serta kebolehsasaran. KPM akan menyediakan sistem pentaksiran dan penilaian holistik, membina disiplin pelajar serta memberi penekanan kepada kebersihan, kesihatan dan keselamatan

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010
Kementerian Pelajaran Malaysia, halaman 24



Usaha membangunkan modal insan bersesuaian dengan perkembangan industri negara pada masa kini dan masa akan datang yang perlu dirancang dengan rapi supaya dapat meningkatkan keupayaan generasi muda negara yang terlatih, berdaya saing, sepadan dan memenuhi keperluan negara pada tahun 2020.

Dalam gagasan Wawasan 2020, pembangunan sumber manusia diberi penekanan yang serius. Menurut Ahmad Sarji Abdul Hamid (2003), dua fokus utama aspek ini ialah pembangunan tenaga manusia yang berpendidikan, terlatih dan fleksibel bagi membolehkan negara bergerak terus ke hadapan dan mengekalkan kelebihan daya saingnya. Fokus yang kedua ialah penyemaian nilai dan sikap yang positif untuk membangunkan masyarakat perindustrian serta memupuk perpaduan nasional.





Wawasan 2020 telah memberi impak yang besar kepada struktur ekonomi negara. Menurut Ahmad Sarji Abdul Hamid (2003), aktiviti ekonomi negara bergerak ke arah perindustrian berskala besar seterusnya menyebabkan keperluan tenaga manusia juga mengalami perubahan. Tenaga kerja haruslah terlatih, memiliki kemahiran yang fleksibel, memiliki kemahiran yang pelbagai dan kreatif.

Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9), telah menetapkan fasa seterusnya ialah untuk misi nasional dari tahun 2006 hingga 2020. Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk ‘minda kelas pertama’ menjadi salah satu teras daripada lima teras yang ditetapkan. Fokus diberikan kepada penambahbaikan sistem pendidikan yang menyeluruh daripada peringkat pra sekolah sehingga tertiar, daripada aspek kurikulum dan pengajaran sehinggalah kepada kemudahan sekolah (Rancangan Malaysia Ke Sembilan 2006-2010, 2006).



Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan PIPP 2006-2010 seiring dengan pelan pembangunan tenaga manusia dalam Wawasan 2020 dan agenda pembangunan modal insan dalam RMK-9. Pendidikan teknik dan vokasional dijadikan agenda yang penting dalam PIPP. Fokus kepada pendidikan teknik dan vokasional yang terdapat dalam PIPP ialah menambah bilangan pelajar dalam aliran teknikal dan vokasional, memperluaskan pendidikan khas vokasional dan memperkemaskan kurikulum serta memperluaskan mata pelajaran vokasional (MPV) dengan menambah bilangan sekolah menengah harian biasa yang menawarkan aliran ini.





Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) telah melakukan usaha memantapkan kurikulum pendidikan vokasional untuk kegunaan institusi di bawah kelolaannya. Bahagian ini telah merangka satu kurikulum baru yang dikenali sebagai kurikulum Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) untuk menggantikan kurikulum lama yang telah diguna pakai sejak tahun 1988. Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 9/2003 bertarikh 16 April 2003 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM142.2 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 untuk tujuan pembelian peralatan tambahan, penyediaan ruang tambahan, ubah suai, ruang baru dan latihan guru untuk melaksanakan kurikulum tersebut (Bahagian Kurikulum Teknik Dan Vokasional (BKTV), Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Pada tahun 2006, kurikulum ini hanya dilaksanakan di beberapa buah sekolah dan pada tahun 2008, semua pelajar yang masuk ke sekolah menengah vokasional menggunakan kurikulum MPAV. Pada tahun 2009, ke semua pelajar aliran vokasional tingkatan empat dan lima menggunakan sepenuhnya kurikulum MPAV.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum MPAV digubal untuk menggantikan kurikulum yang telah diguna pakai oleh sekolah-sekolah vokasional sejak tahun 1988. Ini bermakna pada tahun 2006, kurikulum itu telah pun digunakan selama hampir 20 tahun. Kurikulum 1988 tidak lagi selaras dan berkembang mengikut perkembangan industri negara. Kurikulum vokasional tradisi itu lebih berfokus kepada kepada kemahiran yang terencil, pemikiran bertahap rendah dan mengabaikan kemahiran berfikir tahap tinggi (BKTV,





Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Kurikulum MPAV digubal supaya dapat melatih pelajar berfikir serta mengintergrasikan isi kandungan dan proses. Di samping itu, BPTV telah mengenal pasti ciri-ciri kemahiran tenaga kerja yang diperlukan dalam abad ke-21 dan ciri-ciri ini telah dimasukkan ke dalam kurikulum MPAV. Ciri-ciri kemahiran yang dimaksudkan itu ialah menggunakan peralatan ICT, mengendalikan maklumat, menyelesaikan masalah, berkomunikasi, bekerjasama, kritis dan konstruktif.

Terdapat tiga mata pelajaran dalam kurikulum vokasional sebelum ini. Mata pelajaran tersebut ialah Amali, Teknologi serta Lukisan Geometri dan Berkaitan. Dalam kurikulum MPAV tiga mata pelajaran itu telah distruktur semula menjadi dua mata pelajaran sahaja. Penstrukturan semula mata pelajaran ini melibatkan dua puluh satu kursus. Kursus Elektronik dan Elektrik yang dahulunya dua kursus yang berlainan telah digabungkan menjadi satu. Lain-lain kursus dikekalkan berasingan.

Dua perubahan yang besar dilakukan dalam kurikulum ini ialah pelaksanaan penilaian berteraskan kompetensi dan pembelajaran menggunakan sistem modular. Penilaian berteraskan kompetensi ini telah diguna dalam Pendidikan Berteraskan Kompetensi (Competency Based Education-CBE). Pendidikan Berteraskan Kompetensi (PBK) telah dilaksanakan di beberapa buah negara seperti di Amerika Syarikat dan Australia pada awal tahun 1990an (Bahagian Kurikulum Teknik Dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). PBK ialah program pembelajaran yang mempunyai obkjektif yang jelas, konkrit dan boleh diukur. Para pelajar dikehendaki mempamerkan kompetensi masing-masing di akhir pembelajaran sesuatu unit sebelum dibenarkan berpindah ke unit lain.





Keputusan SPM yang diumumkan bagi calon-calon yang menduduki peperiksaan pada tahun 2009 merupakan keputusan sulung aliran vokasional dalam bidang teknikal. Gred purata pencapaian mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik lebih rendah berbanding dengan mata pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektrik diperingkat kebangsaan (Analisis Peperiksaan SPM 2009, LPM). Terdapat sekolah yang mencatat gred purata bagi mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik lebih rendah dari gred purata peringkat kebangsaan.

1.3 Penyataan Masalah

Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) penting kepada kemajuan negara. Sehubungan itu Bahagian Kurikulum Teknik dan Vokasional telah menetapkan tiga hala tuju kurikulum PTV (BKTV, 2007). Pertama, melahirkan golongan pelajar yang berorientasikan kemahiran teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan guna tenaga. Kedua, membina kurikulum teknik dan vokasional ke arah pembangunan teknologi dan ekonomi negara. Ketiga, menghasilkan kurikulum teknikal dan vokasional yang berkualiti di peringkat sekolah menengah atas dalam pelbagai bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan untuk melahirkan tenaga kerja yang relevan dengan keperluan sektor komersial dan industri.

Hasrat untuk mempertingkatkan PTV ini berhadapan dengan kekangan akibat perubahan pesat teknologi semasa. PTV masih tidak mampu mengejar dan memenuhi keperluan era melinium (Ahmad Esa, Razali Hassan, Jamaludin Hashim dan Mohd Yusop Hadi, 2009). Kemajuan PTV di negara kita sentiasa bersaing dengan perubahan dan perkembangan pesat teknologi terkini. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa





bekalan peralatan latihan dalam sistem PTV sukar menandingi perkembangan pesat teknologi.

Guru merupakan pelaksana kurikulum dalam bilik darjah. Guru seharusnya menguasai isi kandungan yang terdapat dalam kurikulum (Shulman dan Willson, 2004). Bagaimana pun hasil kajian Zuraiah Sulaiman (2008) yang dijalankan di negeri Pahang menunjukkan guru-guru elektrik dan elektronik masih lagi belum menguasai tajuk-tajuk baru dalam MPAV. Kajian tersebut juga mendapati guru-guru berpandangan format pentaksiran menggunakan kaedah modular yang berasaskan kompetensi perlu diberi perhatian. Guru-guru didapati masih kurang kemahiran dalam membuat pentaksiran hasil kerja pelajar berdasarkan kompetensi. Keputusan peperiksaan SPM 2009 menunjukkan pencapaian mata pelajaran Aplikasi Elektrik Elektronik lebih rendah berbanding mata pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik.



Pelaksanaan MPAV berasaskan penggunaan modular dalam pengajaran pembelajaran. Mengikut perancangan BKTV (2007), pembelajaran modular berpusatkan pelajar dan memberikan lebih fleksibiliti kepada pelajar. Pelajar-pelajar boleh memilih mana-mana modul yang ingin diambil tanpa perlu mengikut urutan seperti yang diamalkan dalam kaedah konvensional. Sementara itu, guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing pelajar secara individu. Kajian Noor Sharliana Mat Nasir (2009) menunjukkan secara keseluruhannya pelaksanaan sistem modular kursus Amalan Bengkel Mesin di SMV berada di tahap yang kurang memuaskan. Kajian tersebut juga mendapati sistem modular tidak dilaksanakan seperti yang telah dirancang dari aspek penggunaan modul. Modul tidak digunakan secara pembelajaran sendiri.





Kajian Zuraiah Sulaiman (2008) hanya dijalankan di negeri Pahang. Kajian ini dijalankan di kawasan yang lebih luas meliputi zon-zon semenanjung iaitu Utara, Tengah, Selatan dan Timur berdasar persempelan kluster. Sementara itu, kajian Sharliana Mat Nasir (2009) hanya dijalankan terhadap pelaksanaan kursus Amalan Bengkel Mesin, maka kajian ini mengkaji pelaksanaan mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

Kajian Habib Mat Som (2007) mendapati terdapat guru cuba mengelak dan menganggap latihan yang diperoleh sudah mencukupi. Fenomena ini menyebabkan terdapat guru berada dalam tumpuan tiada berkaitan terhadap inovasi kurikulum. Tumpuan tiada berkaitan membawa maksud, guru yang berada dalam golongan ini tidak memberi komitmen yang sewajarnya terhadap pelaksanaan perubahan kurikulum. Kajian tersebut mendapati terdapat guru-guru tidak mepedulikan perubahan kurikulum yang dilakukan, tidak berminat dan menganggap ia tiada kena mengena.

Ahmad Tajudin Jab (2009), telah menggariskan tujuh cabaran yang perlu ditempuhi oleh setiap warga sekolah teknik dan vokasional. Cabaran yang pertama ialah merealisasikan harapan menjadikan SMV dan SMT sebagai sekolah unggul (PRIME), kedua, menjadikan sekolah sebagai *Community of Learner* dan *Community of Leader*. Cabaran ketiga, tanggungjawab memastikan Bidang Keberhasilan dan Petunjuk Prestasi Kementerian Pelajaran tercapai iaitu peningkatan seratus peratus enrolmen murid dalam aliran vokasional dan kemahiran pada tahun 2015. Cabaran keempat ialah, pengambil alihan pengoperasian Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan (SMK). Seterusnya cabaran kelima ialah, pengurusan bengkel yang cekap yang merupakan pelengkap kepada





PTV. Cabaran keenam, menangani masalah terhadap kualiti pendidikan *voctech* sehingga adanya rungutan daripada ibu bapa. Cabaran ketujuh menangani masalah permohonan murid untuk kembali ke sekolah asal setiap tahun. Ahmad Tajudin Jab (2009), mendapati sekiranya cabaran-cabaran ini tidak ditangani sebaik mungkin, ia akan menyebabkan masyarakat makin menjauhkan anak-anak mereka dari memasuki SMV dan SMT.

Berdasarkan kajian Ahmad, et. al (2009) yang berkaitan kekangan perkembangan teknologi terhadap PTV, kajian Habib Mat Som (2007) berkenaan kelemahan komitmen guru dalam pelaksanaan kurikulum baru dan pernyataan Tajudin Jab (2009) tentang cabaran yang dihadapi oleh PTV dalam sistem sekolah vokasional ketika ini, satu kajian perlu dilakukan untuk menjelaskan keupayaan sokongan terhadap pelaksanaan kurikulum MPAV yang baru dilaksanakan. Kajian Zuraiah Sulaiman (2008) dan kajian Sharliana Mat Nasir (2009) menjadi indikator permasalahan yang sedang dihadapi dalam pelaksanaan kurikulum MPAV. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pandangan guru terhadap sokongan dari aspek bahan kurikulum yang dibekalkan, kesediaan guru, kesediaan pelajar, kemudahan yang disediakan dan sokongan terhadap guru dalam pelaksanaan kurikulum MPAV.

1.4 Objektif Kajian





Kajian ini dijalankan untuk mencapai lima objektif, iaitu mengenal pasti pandangan guru tentang :

- a. Bahan kurikulum MPAV yang dibekalkan untuk melaksanakan mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik .
- b. Kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.
- c. Kesediaan pelajar mengikuti kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.
- d. Kemudahan yang disediakan dalam pelaksanaan kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.
- e. Sokongan yang diterima untuk melaksanakan kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.



1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut berdasarkan pandangan guru:

- a. Adakah bahan kurikulum yang dibekalkan membantu guru untuk pelaksanaan kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik?
- b. Adakah guru-guru bersedia melaksanakan kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik?





- c. Adakah pelajar-pelajar bersedia mengikuti kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik?
- d. Adakah kemudahan yang disediakan relevan untuk melaksanakan kurikulum MPAV bagi mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik?
- e. Adakah guru-guru mendapat sokongan dalam melaksanakan kurikulum MPAV untuk mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik?

1.6 Hipotesis Nol Kajian

Hipotesis nol adalah seperti berikut :

Ho (1): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan guru mengikut pengalaman berkaitan dengan bahan kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

Ho (2): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan guru mengikut pengalaman berkaitan dengan kesediaan guru untuk melaksanakan kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

Ho (3): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan guru mengikut pengalaman berkaitan dengan kesediaan pelajar untuk mengikuti kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

Ho (4): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan guru mengikut pengalaman berkaitan kerelevanan kemudahan yang ada di sekolah untuk





melaksanakan kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

Ho (5): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan guru mengikut pengalaman berkaitan dengan sokongan yang diterima untuk melaksanakan kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

1.7 Signifikan Kajian

Dapatan kajian ini memberi manfaat kepada Kementerian Pelajaran terutamanya BPTV dengan menjadikannya sebagai sumber rujukan untuk memperkemaskan lagi pelaksanaan kurikulum MPAV. Kajian ini boleh digunakan sebagai sumber untuk membuat penjajaran (*alignment*) kurikulum untuk memperbaiki pelaksanaan kurikulum sedia ada. BKTV (2005) ada menyatakan dalam buku perancangan kurikulum MPAV bahawa memantau pelaksanaan kurikulum semasa adalah sangat kritikal dan kajian harus dilaksanakan untuk tujuan ini.

Kajian ini juga dapat menyumbang kepada konsep pelaksanaan kurikulum terutama sekali dalam PTV untuk membantu membentuk amalan yang positif dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Hasil kajian akan menyumbang maklumat yang boleh digunakan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) membina konsep pelaksanaan kurikulum dalam aspek keperluan guru, sumber dan pelajar dalam melaksanakan MPAV.





Sementara itu kajian ini dapat membantu PPK memantapkan lagi proses pengurusan kurikulum dalam tiga perkara yang dinyatakan dalam BKTV (2005) iaitu pertama, maklum balas guru diperlukan untuk mengetahui tentang kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kurikulum. Kedua, mewujudkan pelan penyenggaraan yang sistematik untuk mengukuhkan integriti kurikulum dan ketiga pengumpulan data daripada guru-guru untuk menilai dan mengemaskini kurikulum supaya sentiasa relevan dengan perkembangan teknologi serta modenisasi.

Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah membuat perancangan strategik dalam menambah baik mutu pelaksanaan MPAV di peringkat sekolah. Guru-guru juga dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan dalam melaksanakan MPAV. Masyarakat dapat menggunakan kajian ini untuk memahami situasi kurikulum MPAV yang sedang dilaksanakan. Seterusnya agensi-agensi swasta seperti pihak industri dapat menghulurkan bantuan terhadap kekurangan yang terdapat di sekolah terutama berkenaan dengan peralatan, bahan latihan dan kepakaran. Secara tidak langsung ia dapat membina hubungan pelajar dengan persekitaran industri yang sebenar.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi fokus kepada pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik. Pelaksanaan mata pelajaran ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk menampung keperluan-keperluan mesin, peralatan dan bahan latihan.

Faktor-faktor yang dikaji juga terbatas kepada faktor bahan kurikulum, kesediaan guru, kesediaan pelajar, kemudahan, sokongan kepada guru dan pengalaman guru. Faktor-faktor ini dipilih kerana terdapat persamaan yang konsisten





antara fokus oleh BPTV dalam perancangan kurikulum dengan model pelaksanaan kurikulum oleh Rogan dan Grayson (2003), faktor-faktor yang menjadi tumpuan dalam pelaksanaan kurikulum yang dinyatakan oleh sarjana dalam bidang kurikulum seperti Finch dan Crunkilton (1999), Wiles dan Bondi (1998), Glatthorn, Boschee dan Whitehead, 2006); Ornstein dan Hunkins (2009).

Kajian ini hanya terbatas di semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Bilangan sekolah-sekolah vokasional di semenanjung meliputi sebilangan besar daripada jumlah keseluruhan sekolah yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan zon pentadbiran, zon di Semenanjung Malaysia merangkumi dua pertiga daripada keseluruhan zon di Malaysia. Terdapat empat zon di semenanjung dan satu zon untuk setiap negeri Sabah dan Sarawak. Latar belakang pendidikan guru vokasional, fizikal sekolah dan pentadbiran hampir sama antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pelajar-pelajar yang memasuki sekolah vokasional pula menggunakan syarat kemasukan yang sama, sebagai mana yang telah ditetapkan oleh BPTV.

1.9 Definisi Operasional

Defenisi operasional menerangkan istilah-istilah berkaitan yang diguna pakai dalam kajian ini. Definisi operasional ini bertujuan untuk menjelaskan istilah-istilah yang digunakan merujuk kepada maksud dalam konteks kajian ini.





1.9.1 Kurikulum

Kurikulum ialah rancangan yang dibuat untuk memberi panduan pembelajaran, biasanya ia dipersembahkan dalam bentuk dokumen secara umum. Kurikulum digunakan dalam bilik darjah sebagai pengalaman pelajar, direkod oleh pemerhati dan pengalaman itu sebagai persekitaran pembelajaran yang mempengaruhi apa yang mereka belajar (Glatthorn, et. al, 2006). Dalam kajian ini kurikulum ialah dokumen bertulis yang dibekalkan oleh BPTV sebagai panduan untuk melaksanakan MPAV bagi mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

1.9.2 Pelaksanaan Kurikulum

Rogan dan Grayson (2003) mendefinisikan pelaksanaan kurikulum ialah hal yang berkaitan dengan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah. Kolaborasi pelajar, guru, kurikulum, sokongan dan sumber pembelajaran dikenal pasti sebagai persekitaran pembelajaran dalam pelaksanaan kurikulum. Dalam kajian ini pelaksanaan bermaksud perkara yang berkaitan dengan sokongan dalam melaksanakan kurikulum MPAV mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik yang diguna pakai di sekolah-sekolah vokasional.

1.9.3 Kurikulum Aliran Vokasional

Sistem pendidikan teknik dan vokasioanal Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai kurikulum yang mengandungi empat aliran iaitu Aliran Vokasional, Aliran Teknikal, Aliran Kemahiran dan Aliran MPV. Kurikulum Aliran Vokasional





dilaksana di sekolah-sekolah vokasional terhadap pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5. Kurikulum ini menawarkan MPAV yang mengandungi dua mata pelajaran bagi setiap kursus. Terdapat dua puluh satu kursus dalam kurikulum Aliran Vokasional. Terdapat juga Aliran Kemahiran ditawarkan di sekolah-sekolah menengah vokasional, pelajar-pelajar dalam aliran ini belajar mata pelajaran kemahiran menggunakan kurikulum Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Pelajaran Malaysia juga menawarkan Aliran Teknikal tetapi hanya dijalankan di sekolah-sekolah teknik sahaja manakala MPV dilaksanakan disekolah-sekolah menengah harian biasa yang terpilih.

1.9.4 Mata Pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik

MPAV dibahagikan kepada mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif vokasional (BKTV, 2005). Kursus Elektrik Elektronik mengandungi dua mata pelajaran elektif vokasional iaitu Aplikasi Elektrik dan Elektronik dan Prinsip Elektrik Elektronik. Kajian ini, hanya melibatkan mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik sahaja.

1.9.5 Bahan Kurikulum

Bahan kurikulum ialah sumber-sumber yang digunakan oleh pengajar untuk mencapai matlamat pengajaran terhadap pelajar (Finch dan Crunkilton, 1999). Dalam kajian ini bahan kurikulum bahan bantuan mengajar, sumber panduan dan bahan rujukan yang digunakan oleh guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan





Elektronik. Bahan yang dimaksudkan seperti panduan guru, sukatan pelajaran, modul pembelajaran dan buku rujukan.

1.9.6 Kesiediaan Guru

Kesiediaan guru merujuk kepada keadaan guru berada dalam kemahiran dan penguasaan kandungan tertentu yang diperlukan (Burden dan Byrd, 2003). Dalam kajian ini kesiediaan guru merujuk kepada penguasaan dan kemahiran guru terhadap kurikulum, topik dalam kandungan kurikulum dan pedagogi terhadap mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

1.9.7 Kesiediaan Pelajar



Kesiediaan pelajar ialah kedudukan pelajar berada situasi dan kemahiran tertentu (Burden dan Byrd, 2003). Dalam kajian ini kesiediaan pelajar merujuk kepada situasi pelajar dari aspek minat, fokus dan komitmen dalam menerima pengajaran guru dalam mata pelajaran Aplikasi Elektrik dan Elektronik.

1.9.8 Kemudahan

Ornstein dan Levine (2006) menyatakan kemudahan merujuk kepada logistik atau kemudahan fizikal. Dalam kajian ini kemudahan membawa maksud kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah untuk melaksanakan kurikulum MPAV, termasuk





kemudahan peruntukkan kewangan. Kemudahan fizikal merangkumi bengkel, peralatan latihan, bahan bercetak dan peralatan teknologi pengajaran

1.9.9 Sokongan

Ransford, Greenberg, Domitrovich, Small dan Jacobson (2009) menyatakan bahawa sokongan merupakan bantuan dan pertolongan yang terdapat dalam berbagai bentuk seperti komitmen lisan, kebertanggung jawapan, pemerhatian dan keprihatinan. Dalam kajian ini sokongan merujuk kepada bantuan yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan pelaksanaan kurikulum MPAV dari kementerian sehingga rakan sejawat di peringkat sekolah dalam bentuk kerjasama, memenuhi keperluan guru dan nasihat.



1.9.10 Pengalaman Guru

Ornstein dan Levine (2006) mendefinisikan pengalaman sebagai interaksi individu dengan persekitaran untuk hidup, membesar dan membangun. Dalam kajian ini pengalaman guru dimaksudkan sebagai jangka masa kerjaya guru berdasarkan jumlah tahun mengajar. Jangka masa kerjaya guru dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu 1 hingga 3 tahun (Pelancaran Kerjaya: Komitmen Awal), 4 hingga 18 tahun (Penstabilan / Cabaran Baru) dan 19 tahun ke atas (Profesional Plateau). Peringkat pengalaman ini berasaskan peringkat perkembangan kerjaya guru oleh Huberman (1995). Peringkat pengalaman kerjaya tahap Penstabilan (4-6 tahun) dan Cabaran Baru (7- 18) tahun dicantum tanpa mengubah tahun asal proses perkembangan kerjaya. Fasa ini dicantum kerana bilangan responden yang berada





pada tahap 4 – 6 tahun terlalu kecil iaitu seramai tujuh belas orang. Jumlah ini tidak menepati syarat taburan normal yang mengkehendaki jumlah untuk yang diperlukan ialah seramai tiga puluh orang (Coakes, Steed dan Price, 2008). Syarat tersebut adalah sebagai keperluan untuk membuat ujian ANOVA secara tepat (Hair, Anderson, Tatham, Black, dan Babin, 2006; Bhashah Abu Bakar, 2007 dan Coakes, et. al, 2008).

1.10Penutup

Bab ini telah membincangkan idea permulaan kajian ini. Latar belakang kurikulum MPAV yang dipaparkan secara umum untuk memberi gambaran awal tentang kurikulum ini. Kurikulum MPAV secara terperinci akan dibincangkan dalam Bab 2. Dalam bab ini juga telah diterangkan latar belakang masalah pelaksanaan MPAV yang sedang dilaksanakan. Kajian ini mengenal pasti aspek-aspek yang mempengaruhi pelaksanaan kurikulum MPAV.

